

'UMS hukum 100 pelajar kerana lantang suarakan perjuangan'

Jason Santos OE 20.9.14 3

KOTA KINABALU: Sekitar 100 orang pelajar diberhentikan atau dihukum oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana terlalu lantang dalam menyuarakan perjuangan.

Difahamkan bahawa universiti tersebut berhadapan dengan pelajar-pelajar yang terlalu banyak menghabiskan masa dalam aktiviti berikutan pindaan baru-baru ini ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku) 1971 yang membenarkan mereka melibatkan diri dalam politik.

Bercakap dengan syarat namanya tidak didedahkan, seorang pegawai universiti itu pada Jumaat berkata, terdapat kejadian di mana pelajar ditahan oleh pihak berkuasa kerana mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan di sini.

"Auku membenarkan pelajar untuk mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan secara aman. Bagaimanapun, ini perlu dilakukan di luar kampus," katanya.

"Namun, jika dibandingkan dengan ribuan pelajar yang berlaajar di universiti, hanya segelintir kecil yang terlibat. Sekitar 100 orang," tambahnya.

Beberapa kejadian berlaku di dalam dan luar universiti, dengan satu kejadian berlaku beberapa tahun lalu di kampus Labuan, dan juga kejadian di mana mereka menentang sesetengah dasar kerajaan.

Beliau berkata, salah satu insiden mempunyai kaitan dengan pelajar yang tidak puas hati dengan universiti yang memutuskan untuk memindahkan asrama mereka ke blok lain, manakala yang lainnya mengenai penentangan mereka terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang bakal dilaksanakan.

Pembabitan pelajar dalam perjuangan sosial di Sabah meningkat sejak akhir-akhir ini, bagaimanapun pegawai tersebut menafikan bahawa pelajar Sabah terburu-buru untuk mengambil bahagian dalam perjuangan sosial yang radikal.

"Kebanyakan daripada mereka ini bukan orang tempatan. Kebanyakan pelajar kita tidak mudah terpengaruh," dakwanya.

Beliau berkata, banyak perjuangan sosial di bawa ke sini oleh pelajar-pelajar dari semenanjung, manakala, terdapat di antara berekah yang masih setia atau mengikutinya figura politik dari Malaysia Barat.

Pada 8 September lalu, Kementerian Belia dan Sukan menetapkan pelan untuk menemui lebih ramai belia yang terlibat dalam sentimen anti kerajaan dan aktiviti yang kerap mengadakan bantahan jalanan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Tawfiq Titingan mendakwa, segelintir daripada mereka mengambil bahagian dalam perjuangan sosial kerana mereka mungkin dikelirukan oleh sesetengah individu yang cuba mengunak mereka untuk agenda peribadi.

Sehingga kini menurut beliau, kementerian belum menemui sebarang rekod atau laporan terhadap kumpulan tempatan yang terlibat dalam aktiviti seumpama, tetapi percaya mereka mungkin merupakan sebahagian daripada kumpulan-kumpulan tertentu yang tidak berdaftar di bawah kementerian.

"Mereka mungkin berdaftar di bawa organisasi lain...mereka yang berada di bawah kami berdaftar dengan Pendaftar belia.

"Setakat ini, tiada agensi persekutuan atau negeri yang membuat laporan terhadap mana-mana persatuan tempatan yang berdaftar di bawah kementerian saya," katanya di sini.